

# sepanjang jalan pulang

Walaupun kita mengembara ke seluruh dunia untuk mencari keindahan, kita harus membawa keindahan itu dalam diri kita; sekiranya tidak, kita pasti tidak akan menjumpainya...

Tuesday, June 29, 2010

## Sejarah Kuantan (4) : Sistem Perhubungan & Pengangkutan



Kita sambung lagi cerita tentang Kuantan (1850 - 1970)....

Sistem perhubungan dan pengangkutan utama di Kuantan ialah melalui [air](#),

[darat dan udara](#). Dahulu, perhubungan melalui air adalah menggunakan [perahu jalak](#) dan [perahu penambang](#), manakala perhubungan darat lebih tertumpu di kawasan bandar dan penempatan yang berdekatan sahaja. Perhubungan di dalam kawasan bandar disediakan dengan [jalan raya yang bertar](#), manakala perhubungan antara Kuantan dengan Beserah, Gambang dan Sungai Lembing ialah secara [meredah lorong-lorong dan denai](#) ataupun melalui pesisiran pantai ketika air surut.

Dalam tahun **1908**, [Jalan Kuantan - Gambang](#) sejauh 18 ½ batu (30 km) telah disiapkan. Walau bagaimanapun, kenderaan-kenderaan perlu menyeberangi Sungai Kuantan di TANAH PUTIH dengan menggunakan [feri yang telah dibuka pada 5 September 1910](#). Dengan terbukanya jalan ini, Gudang Rasau telah ditinggalkan dan Kuantan mula diperluaskan. Perhubungan dari Sungai Kuantan pula dikendalikan oleh Syarikat PCCL yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan trak dan kereta api dari Sungai Lembing ke Pasir Kemudi dan kemudiannya belayar dengan menggunakan kapal wap ke Pelabuhan Kuantan. Pelabuhan Kuantan ini dibuka pada awal tahun 1900 dan dipindahkan ke Tanjung Gelang pada tahun 1970-an.

Pada bulan **November 1918**, [jalan raya dari Kuantan ke Kuala Lipis melalui Jerantut](#) telah disiapkan. Siapnya jalan tersebut bermakna memudahkan perhubungan Kuantan dengan kawasan Pantai Barat. Sebelum itu, pegawai-pegawai dan orang-orang di Ulu Pahang yang hendak ke Kuantan terpaksa menghirir Sungai Pahang dengan menggunakan perahu atau rakit ke Pekan. Kemudian berjalan dari sana ikut pantai laut ke Singapura dan juga ke Kuantan.

Perjalanan dari Kuantan ke Kuala Pahang, selama 8 bulan dalam setahun dilakukan dengan menggunakan perahu jalak yang boleh memuatkan dua belas orang dan barang-barang hingga 15 tan dengan bayaran \$25.00 bagi sehala perjalanan. Kapal kecil digunakan untuk pergi ke Singapura (Lihat Sejarah Pahang PSCP)....

Berikutnya, rangkaian jalan raya dari Pekan ke Kuantan (di Bt. 6 Jalan Gambang, sejauh 30 batu @ 48km) pula dibuka pada tahun 1933. Manakala perhubungan jalan raya daripada Beserah ke Kemaman pula dibina semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan telah dibuka dengan rasminya pada tahun 1947. Dengan wujudnya rangkaian jalan raya ini, dapatlah orang-orang dari Kemaman dan Terengganu masuk berniaga di Kuantan menggunakan jalan ini.

Dengan bertambah baiknya perhubungan jalan raya dan perhubungan kapal dagang dengan Singapura, maka Kuantan menjadi tempat tumpuan pedagang-pedagang. Tambahan pula setelah terbina jambatan menyeberangi Sungai Kuantan pada 2 Julai 1967 menggantikan feri yang digunakan sebelumnya, kemajuan bandar Kuantan menjadi bertambah pesat.

Selain itu, kemudahan perhubungan bandar Kuantan bukan sahaja dengan adanya rangkaian jalan raya dan pelabuhan, tetapi juga Lapangan Terbang di Batu 9, yang dibina dalam tahun 1940-an. Lapangan terbang yang kenali sebagai Padang Garuda ini telah melengkapkan pula perhubungan melalui udara.

Kemajuan perhubungan dan pengangkutan ini sekaligus membantu Kuantan menjadi bandar yang penting bukan sahaja sebagai pusat pentadbiran, tetapi juga menarik lebih ramai penghijrah bertumpu ke bandar ini....

Foto :

1) Jalan Besar Kuantan

### About Me



[roshanilawatey](#)

seorang pendidik biasa yang ingin membawa anak didiknya menggapai kejayaan yang luar biasa...

[View my complete profile](#)

### Blog Archive

- ▶ [2021](#) (3)
- ▶ [2020](#) (3)
- ▶ [2019](#) (16)
- ▶ [2018](#) (44)
- ▶ [2017](#) (26)
- ▶ [2016](#) (5)
- ▶ [2015](#) (8)
- ▶ [2014](#) (38)
- ▶ [2013](#) (46)
- ▶ [2012](#) (66)
- ▶ [2011](#) (110)
- ▼ [2010](#) (161)
  - ▶ [December 2010](#) (13)
  - ▶ [November 2010](#) (20)
  - ▶ [October 2010](#) (26)
  - ▶ [September 2010](#) (12)
  - ▶ [August 2010](#) (9)
  - ▶ [July 2010](#) (16)
  - ▼ [June 2010](#) (30)

[Sejarah Kuantan \(5\) : Kemudahan Pendidikan](#)

[Sejarah Kuantan \(4\) : Sistem Perhubungan & Pengang...](#)

[Sejarah Kuantan \(3\) : Pemodenan dan Perubahan Dasa...](#)

[Sejarah Kuantan \(2\) : Pusat Pengumpulan Hasil Biji...](#)

[Sejarah Kuantan \(1\) : Jom Hebohkan...](#)

[Gaza child talking about his life-English subtitle...](#)

[Corat-coret SUKAN sekolah...](#)

[renungan](#)

[ABE & Piala Dunia FIFA 1986](#)

[Di Padang Ilmu...](#)

[SELAMAT HARI BAPA](#)

[Temu Janji yang Tertanggung](#)

[Ceritera Klate \(2\) : nama negeri...](#)

[Ceritera Klate \(1\) : Umum](#)

[JEJAK SAHABAT \(1\)](#)

[Tukang Cerita @ Bari](#)

[Musim Bekwoh Nikah Kahwin](#)

[SELAMAT HARI LAHIR](#)

[Zubir Ali - Balada Seorang Gadis Kecil](#)

[Lambaian Afrika Selatan 2010...](#)

[TALI AIR & KENANGAN](#)

[KEWAJIPAN @ TANGGUNGJAWAB...?](#)

[JEJAK BERTAPAK](#)

... bersambung ke siri terakhir SEJARAH KUANTAN...

at June 29, 2010 

Labels: [santai](#), [sejarah](#), [syukur](#)

## No comments:

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

[Kisah Di sebalik RP KEMUBU](#)

[Nostalgia Musim Cuti Sekolah](#)

[Pasti Menjadi Kenangan : Dataran & Menara ...](#)

[Sepanjang Jalan Kenangan : Kereta Lembu, Cahaya &...](#)

[Sepanjang Jalan Kenangan : Padang Pahlawan dan Mem...](#)

[Menjejak Warisan Sejarah \(3\) : Bukit Cina & Puteri...](#)

[Menjejak Warisan Sejarah \(2\) : Banda Kaba](#)

► [May 2010 \(12\)](#)

► [April 2010 \(2\)](#)

► [March 2010 \(3\)](#)

► [February 2010 \(8\)](#)

► [January 2010 \(10\)](#)

► [2009 \(127\)](#)

### Labels

- [syukur](#)
- [santai](#)
- [family](#)
- [nostalgia](#)
- [muhasabah](#)
- [sekolah](#)
- [sahabat](#)
- [warisan](#)
- [umrah](#)
- [doa](#)
- [sejarah](#)
- [ilmu](#)
- [madinah](#)
- [tanggungjawab](#)
- [iktibar](#)
- [Makkah](#)
- [smktp](#)
- [cuti](#)
- [famili](#)
- [Haji](#)
- [bahasa](#)
- [makanan](#)
- [Jengka](#)
- [tokoh](#)
- [tugas](#)
- [Hannan](#)
- [SRJK \(I\) Kota](#)
- [cucunda](#)
- [kesihatan](#)
- [aktiviti](#)
- [bersara](#)
- [lawatan](#)
- [leluhur](#)
- [masakan](#)
- [peperiksaan](#)
- [permainan](#)
- [rindu](#)
- [ulang tahun](#)
- [RIADAH](#)
- [reunion](#)
- [PT3](#)
- [SPM](#)
- [bekwoh](#)
- [buah nadir](#)
- [d'LAvender](#)
- [elit](#)
- [hijrah](#)
- [hobi](#)
- [kembara](#)
- [nadir](#)
- [raya](#)
- [sukan](#)